

Nasihat PM kepada bakal pengganti

UM 30 DEC 1994

Oleh WAHID HASHIM

KUALA LUMPUR 29 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihati bakal penggantinya dan bakal-bakal pengganti yang lain menjaga maruah bangsa daripada dihina dan dipijak-pijak oleh pihak-pihak tertentu seperti yang berlaku di zaman penjajah.

Kata beliau, mereka yang bakal mengambilalih tampuk pemerintahan perlu bersabar menunggu hasil daripada dasar-dasar baru yang mereka cuba laksanakan kerana "sesuatu kejayaan memerlukan sedikit masa dan kesabaran."

"Saya berharap kita tidak akan 'ditendang' atau dihina lagi seperti yang dilakukan oleh British, Jepun dan Siam," katanya.

Semasa berucap pada Malam Mesra Perdana Menteri bersama Ahli-Ahli Dewan Negara di sini malam ini, Dr. Mahathir juga meminta rakyat bersatu, bekerja keras dan berdisiplin kerana ba-

nyak lagi yang perlu dilakukan untuk menjayakan Wawasan 2020.

"Sebenarnya saya sekarang sudah masuk (umur) 70 tahun, kalau saya masih diperlukan, saya cuba teruskan, tetapi satu hari nanti saya kena undur juga.

"Jadi sebelum mengundur diri eloklah saya tinggalkan sedikit-sedikit nasihat kepada bakal pengganti saya," katanya.

Presiden UMNO itu berkata, beliau gembira kerana diberi peluang dan penghormatan untuk memimpin negara selama 14 tahun.

"Tidak mungkin kalau kita menyeru beratus-ratus kali sehingga ke puncak Gunung Himalaya, tetapi kalau tidak disambut atau disahut, mustahil orang yang menyeru itu akan mencapai kejayaan," katanya.

Menurutnya, apabila beliau mula memperkenalkan dasar-dasar baru, bukan sahaja tidak mendapat sokongan, tetapi tidak menunjukkan kejayaan.

■ Lihat muka 2

Nasihat PM kepada bakal pengganti

"Kita perlukan masa untuk melihat kejayaan," katanya.

Beliau berkata hari ini ramai orang tidak menyoal dasar-dasar itu kerana ia telah mendapat sokongan dan mencapai kejayaan.

Perdana Menteri berkata, dengan sokongan anggota UMNO, beliau dapat menjadi Perdana Menteri lebih lama sedikit untuk membuktikan dasar-dasarnya membuahkan hasil.

Mengenai peranan ahli Dewan Negara, beliau berkata, mereka diberi tugas untuk mentadbir negara dan tugas ini bukan semata-mata hendak dapat elau.

Beliau gembira kerana kebanyakan ahli Dewan Negara telah menjayakan tugas mereka dengan sempurna setelah dilantik oleh kerajaan negeri dan Yang di-Pertuan Agong setelah mendapat nasihat oleh pihak-pihak tertentu.

Katanya, Dewan Negara mempunyai peranan membuat teguran apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan serta undang-undang yang dibuat oleh kerajaan.

Kata beliau, teguran itu hanya mempunyai pengaruh sekiranya ia disampaikan dengan cara yang bernas serta asas-asas yang baik.

"Walaupun ada yang berpendapat Dewan Negara tidak mempunyai nilai atau harga, tetapi semuanya bergantung kepada ahli-ahli.

"Saya sendiri pun dahulu ahli Dewan Negara, tetapi dahulu mereka panggil *'Dewan Senget'*, (bukan Dewan Senat) tetapi saya masih ingat bila saya berucap, Menteri Pengangkutan pada masa itu mengambil berat ucapan yang dibuat," ujarnya.

Beliau juga berkata, walaupun beliau tidak selalu menghadiri sidang Dewan Negara ataupun

Dewan Rakyat namun beliau tetap mengikuti perkembangan menerusi laporan yang diterimanya.

Perdana Menteri juga berharap ahli Dewan Negara tidak kecewa apabila tempoh perkhidmatan mereka ditamatkan.

Katanya, pada satu ketika, memang kerajaan tidak memberi tempoh tamat kepada seseorang Senator, tetapi keadaan itu kurang sesuai kerana orang lain juga perlu diberi peluang.

"Dahulu boleh jadi Senator sehingga usia di pinggir kubur, ada sahaja alasan yang diberikan mengapa mereka tidak boleh diberhentikan.

Kata beliau, ada yang membangkitkan soal pencen dengan alasan meminta mereka dilanjutkan sehingga ke satu tempoh yang membolehkan mereka mendapat pencen.

Tambah beliau, kerajaan kemudiannya melonggarkan syarat, iaitu tam-

bahan satu penggal lagi (iaitu tambahan tiga tahun).

"Kita terpaksa menamatkan penggal ahli Dewan Negara bukan kerana kita hendak memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu, tetapi kita hendak beri peluang kepada ahli yang layak.

Kata beliau, kadang-kadang beliau memberi peluang kepada Dewan Negara bertanding dalam pilihanraya, "tetapi kalau kalah hilang kedua-dua jawatan (Dewan Negara dan Dewan Rakyat) itu, inilah risiko politik yang terpaksa dihadapi."

Kata beliau, kerajaan

yakin dengan keupayaan Senator, sehingga ada yang telah menjadi menteri dan timbalan menteri.

Turut hadir di majlis itu ialah isteri Dr. Mahathir, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri G. Vadiveloo.